

Headline **TM, Mimos jalin kerjasama**  
Date **04. Mar 2009**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Bisnes**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **23**  
Article Size **67** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Black/White**  
AdValue **661.37**



## TM, Mimos jalin kerjasama

**T** ELEKOM Malaysia Berhad (TM) dan MIMOS Berhad (Mimos), menandatangani perjanjian usaha sama dalam melaksanakan aktiviti kajian dan pembangunan (R&D), pengkomersialan dan pemindahan teknologi selama tiga tahun.

Kerjasama ini membolehkan TM dan Mimos membangunkan R&D teknologi berpotensi pengkomputeran grid, semantik, akses tanpa wayar dan Protokol Internet Versi 6 (IPv6).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Datuk Zamzamzairani Mohd Isa, berkata pembangunan teknologi dalam perjanjian ini dijangka membawa kepada penawaran yang lebih inovatif dan dipertingkatkan bagi memenuhi kehendak pasaran pada masa hadapan.

Beliau berkata, RM150 juta diperuntukkan untuk R&D bagi meningkatkan keupayaan teknologi berkenaan di samping membantu industri teknologi tempatan.

"Kami sedang merangka program keusahawanan berhubung pengkomersialan teknologi berkenaan kerana TM sentiasa menyokong teknologi yang dibangunkan secara tempatan, terutama ia memberi manfaat kepada pelanggan kami," katanya.